

Malaysia destinasi pelaburan terbaik

UM - 14/3/2007
SEOUL 13 Mac - Masyarakat peniaga Korea Selatan menyifatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan terbaik berikutan kemudahan infrastruktur, tenaga buruh terlatih dan mempunyai kestabilan politik.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KISWIRE Ltd., Hong Young-chul berkata, faktor-faktor itu telah menjadi satu daya tarikan kepada para pelabur negara ini untuk melabur di Malaysia.

"Lagipun, penduduknya boleh bertutur bahasa Inggeris dan memudahkan kami berkomunikasi dan apa yang menarik tidak berlaku sebarang pertikaian antara majikan dan pekerja," katanya yang sudah melabur di Malaysia sejak 18 tahun lalu.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan tengah hari bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada hari terakhir lawatan pemimpin nombor dua Malaysia ke negara ini di sini, hari ini.

Young-chul memberitahu, kestabilan politik dan keamanan yang dikecapi Malaysia telah menjadi pendorong kepada ramai lagi pelabur negara ini untuk membuat pelaburan masing-masing.

Sementara itu, Najib ketika berucap pada majlis itu berkata, sememangnya lawatan beliau ke Korea Selatan bertujuan untuk memperluaskan hubungan tanpa batasan antara kedua-dua negara.

"Republik Korea telah menjalin kerjasama ekonomi dengan Malaysia sebagai rakan dagangan sejak beberapa tahun lalu.

"Pada tahun lalu, Korea Selatan adalah rakan dagangan keenam terbesar dan pada kedudukan kelapan terbesar pasaran eksport Malaysia. Pada masa ini, terdapat 252 syarikat pembuatan Korea beroperasi di Malaysia dengan keseluruhan pelaburan hampir RM6.2 bilion (AS\$1.7 bilion)," jelas beliau.

Timbalan Perdana Menteri menambah, pemeteraian perjanjian Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Korea pada 2005 telah meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara.

Menurut beliau, kekuatan industri elektronik, automotif dan bidang teknologi dan bidang komunikasi teknologi maklumat (ICT) di negara ini membolehkan lebih banyak peluang perniagaan dijalin dengan usahawan Malaysia dalam melaksanakan pelbagai program pembangunan.